

LATIHAN 1 (Surah Al-Kahfi, Ayat 101-106)

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

menghina	mempersendakan	syirik	perintah	kejayaan
rugi	diterima	dosa	ditutup	kesucian

1.	Allah SWT menyediakan neraka Jahanam bagi mereka yang melakukan larangan-Nya seperti _____ kepada-Nya.
2.	Orang Islam hendaklah menghindari diri daripada perbuatan _____ yang boleh membawa ke neraka Jahanam.
3.	Orang yang mempersendakan ayat-ayat Allah SWT adalah golongan yang _____ di dunia dan akhirat.
4.	Para rasul adalah utusan Allah SWT untuk membimbing manusia kepada jalan yang benar. Sesiapa yang _____ baginda akan termasuk golongan yang rugi.
5.	Orang yang telah _____ pintu hatinya tidak akan dapat melihat tanda-tanda kekuasaan Allah SWT.
6.	Allah SWT menyediakan neraka Jahanam kepada orang _____ ayat-ayat Allah SWT.
7.	Orang yang mengingkari _____ Allah SWT akan ditolak segala amalan kebaikan pada hari kiamat kelak.
8.	Orang Islam hendaklah menjauhkan diri daripada golongan yang mempersendakan ayat-ayat Allah SWT demi memelihara _____ agama Islam.
9.	Segala perintah Allah SWT hendaklah dipatuhi supaya amal kebaikan _____ oleh Allah SWT di akhirat kelak.
10.	Mentaati segala perintah Allah SWT akan menjamin _____ hidup di dunia dan akhirat serta menjadi hamba yang diredai-Nya.